

Berita Minggu, Ahad, 5 Mac, 1978 (25 Rabiul-Awal, 1398)

Mahathir nafi tolak kelulusan projek industri

KUALA LUMPUR, Sabtu—Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menafikan dakwaan setengah kalangan perindustrian yang menyatakan Kerajaan menolak permohonan atau membatalkan kelulusan beberapa projek perindustrian yang gagal mendapatkan penyertaan saham Bumiputera.

Katanya, "Dakwaan mereka itu adalah tidak benar kerana saya sendiri telah banyak meluluskan permohonan untuk menubuhkan perusahaan baru yang gagal mendapat penyertaan sejak akhir-akhir ini."

Bagaimanapun, tegas beliau kelonggaran itu hanya diberikan kepada pengusaha-pengusaha yang benar-benar gagal untuk mendapatkan penyertaan Bumiputera setelah berusaha bersungguh-sungguh.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian kepada para pemberita selepas menerima kunjungan Naib Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi Luar Republik Demokratik Rakyat Korea, Encik Kong Jin Tae di pejabatnya di sini pagi ini.

Menurut beliau, terdapat beberapa perusahaan yang telah mencuba selama hampir 10 tahun untuk mendapatkan penyertaan Bumiputera tetapi gagal.

"Dalam keadaan seperti itu, Kerajaan akan melonggarkan syarat tersebut dengan mengadakan syarat saham simpanan pula bagi perusahaan-perusahaan yang baru itu."

Mengenai perbincangannya dengan Encik Kong, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata satu perjanjian perdagangan antara kedua negara yang memberikan layanan istimewa akan ditandatangani dalam tahun ini juga.